

NO. SOALAN: 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
(SEPANG)**

TARIKH : 27 JULAI 2017 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

(a) mengapakah Tan Sri Isa Samad dipilih oleh Kerajaan menggantikan Tan Sri Hamid Albar menerajui Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD) dalam keadaan beliau sedang di soal siasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga menyatakan bahawa beliau meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) kerana ingin memberi perhatian kepada tanggungjawab peribadinya; dan

(b) apakah Kerajaan benar-benar ketandusan individu yang layak untuk terajui SPAD selain Tan Sri Isa Samad.

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan satu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dengan jelas menggariskan bidang kuasanya.
2. SPAD adalah agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan tanggungjawab pelaksanaan tadbir urus yang baik dipikul bersama oleh kesemua Anggota Suruhanjaya. Pada masa yang sama, sebagai sebuah Suruhanjaya, Kerajaan telah pun memastikan terdapat sistem semak dan imbang (*checks and balances*) di dalam pelaksanaan semua aktiviti dan operasi SPAD. Malah jawatankuasa audit Suruhanjaya serta bahagian undang-undang akan memastikan pihak pengurusan sentiasa mematuhi dan mengikuti tadbiran dan keperluan perundangan terkini ketika menjalankan tugas mereka.
3. Sejalan dengan peranan SPAD sebagai sebuah badan perancang yang profesional dan proaktif serta pengawal selia industri, SPAD mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang teratur dan terperinci. Kerajaan juga telah menetapkan garis panduan serta mekanisme kawalan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti LRT, MRT, KL-Singapura HSR dan ECRL untuk membangunkan pengangkutan awam darat dengan telus, amanah dan berintegriti.

4. Barisan pasukan pengurusan SPAD yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif sentiasa mengamalkan tahap tadbir urus yang tertinggi. Segala aspek pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya, termasuk operasi, perancangan, pelesenan serta penguatkuasaan adalah di bawah pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif dan barisan pengurusan SPAD.

5. YAB Perdana Menteri pada 19 Jun 2017 yang lalu telah mengumumkan pelantikan YB Tan Sri Mohd Isa Dato' Abdul Samad sebagai Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

6. Pemangku Pengerusi Suruhanjaya dalam kapasiti Pengerusi bukan eksekutif akan memainkan peranan dalam mempengerusikan Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bagi memastikan hala tuju strategik sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.

Sekian, terima kasih.